

ULASAN BUKU NIZAM YATIM



UMNO masih relevan

BUKU ini mengandungi himpunan 73 artikel tulisan Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd. Izani Mohd. Zain yang pernah diterbitkan dalam akhbar dan majalah tempatan dari 1998 hingga 2016.

Topik-topik yang disentuh adalah mengenai isu demokrasi dan politik umat Islam di Malaysia, Indonesia, Mesir, Iran, Turki, Palestin dan Algeria yang dikupas secara akademik dan bebas.

Demokrasi yang disentuh penulis tidak hanya memberi fokus kepada pilihan raya, tetapi memperakukan budaya politik yang berpegang kepada nilai universal seperti toleransi.

Penulis turut membandingkan bentuk demokrasi yang diamalkan umat Islam termasuk di Malaysia dengan demokrasi yang diamalkan oleh masyarakat Barat.

Demokrasi yang diamalkan umat Islam sudah pasti tidak boleh meniru bulat-bulat segala apa yang diamalkan di Barat kerana di sana wujud tuntutan hak asasi melampaui batas dan kebebasan individu secara mutlak.

Dalam dunia Islam, demokrasi dijadikan sebagai alat untuk mempersembahkan Islam dengan sebaik-baiknya dan bukan menjadi proksi serta talian hayat kepada pengaruh Barat.

Bagaimanapun, demokrasi yang diamalkan masyarakat Islam turut mempunyai beberapa kelemahan termasuk perpecahan sesama saudara seagama yang boleh dilihat dengan kewujudan pelbagai parti politik yang tidak boleh bekerjasama antara satu sama lain.

Sehubungan itu, keperluan untuk bermuafakat dan menjalinkan kerjasama politik adalah satu perkara yang semakin mendesak dan perlu diberikan penekanan.

Langkah itu penting bagi meningkatkan kekuatan politik umat Islam sekali gus membolehkan agama itu diletakkan pada kedudukan paling tinggi dan pada masa sama memastikan isu-isu membabitkan ummah dapat diperjuangkan dengan lebih berkesan.

Dalam konteks Malaysia, penulis turut menyentuh mengenai UMNO iaitu parti umat Islam terbesar di negara ini dengan keahlian lebih 3.5 juta orang.

Menurut penulis, UMNO masih relevan dan boleh terus bertahan kerana bukan parti politik biasa yang ditubuhkan untuk memenuhi kehendak individu atau kumpulan tertentu.

“Parti politik biasa yang lazim hanya bercakap soal kuasa, pengaruh dan bagaimana

hendak memenangi pilihan raya. Fokus mereka hanya menjatuhkan pihak lawan dengan apa cara sekalipun.

“Untuk itu, matlamat boleh menghalalkan cara. Jangka hayat parti pula bergantung kepada pemimpin tertentu. Pemimpin pergi, maka parti pun turut pergi tanpa nisan.

“Parti politik seumpama ini sememangnya tidak boleh bertahan lama. Lebih-lebih lagi dasar perjuangannya mirip perjuangan peribadi,” jelas beliau.

Sebaliknya, tegas penulis, UMNO adalah satu gerakan kebangsaan yang ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan negara.

“UMNO bukanlah sebuah parti politik lazim. Parti ini menjadi teras kerajaan sejak merdeka.

“Dalam tempoh itu, UMNO bukan sahaja memenuhi fungsi dan keperluan politik kepartian, tetapi bertanggungjawab mengisi tuntutan kebangsaan yang mencakupi soal kesepaduan sosial dan pembinaan negara bangsa,” tulis beliau.

Dalam pada itu, penulis menegaskan, bagi membolehkan UMNO terus bertahan, parti itu perlu menyemak semula agenda Melayu supaya bukan sekadar menjadi slogan semata-mata.

“Agenda Melayu perlu disemak semula. Usaha ini bukan menerusi laungan penuh bersemangat dan retorik, tetapi agenda yang didokumentasikan secara bertulis dan jelas sebagai pelan induk dan hala tuju kelangsungan orang Melayu di negara ini.

“Hal ini, semakin kritikal apabila melihat cabaran yang dihadapi orang Melayu terutama dalam aspek kebolehsaingan mereka sama ada pada peringkat nasional mahupun global.

“Walaupun tidak dinafikan menerusi dasar kerajaan dan UMNO, ada orang Melayu berjaya dan menempa kejayaan, akan tetapi ramai juga kaum itu di luar sana yang masih bergelut dan tercicir dalam persaingan yang semakin mencabar.

“UMNO tidak ada pilihan selain perlu mencipta keterujaan dalam kalangan orang Melayu untuk mereka berdaya saing. Hal ini boleh dilakukan melalui rancangan khusus termasuk soal pekerjaan dan mendapat pendidikan berkualiti.

“Meskipun kerajaan sedang giat menyusun rangka Transformasi Nasional 2050 (TN50) bagi membentuk negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda yang lebih baik, dasar itu lebih bersifat inklusif untuk semua kaum.

“Sehubungan itu, keperluan menyediakan agenda Melayu yang khusus dan komprehensif tetap relevan untuk diusahakan.

“UMNO tidak perlu gusar kerana agenda ini tidak mengambil hak orang lain. UMNO hanya berlaku adil kepada orang Melayu yang selama ini mendukungnya,” tulis beliau.

info

- > Judul: **Demokrasi dan Kelangsungan Politik Muslim**
- > Penulis: **Mohd. Izani Mohd. Zain**
- > Jumlah halaman: **305**
- > Tahun terbitan: **2017**
- > ISBN: **978-983-100-876-8**
- > Terbitan: **Penerbit Universiti Malaya**
- > Harga: **RM56**

DEMOKRASI DAN KELANGSUNGAN POLITIK MUSLIM

Mohd. Izani Mohd. Zain

